

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
KAWASAN : MERBOK
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sehingga bulan Mei 2019 berapakah jumlah peruntukan menyelenggara jalan-jalan Persekutuan yang telah dibelanjakan dan bagaimanakah pihak Kementerian mengenal pasti jalan-jalan yang perlu dibaiki dan perlaksanaan pembaikan dengan segera.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya bertanggungjawab untuk menyelenggara Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia. Bagi tahun 2019, jumlah panjang jalan yang diselenggara adalah sebanyak **17,830.33 km**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi program penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan di seluruh Malaysia **sehingga bulan Mei 2019** adalah sebanyak **RM124.3 juta** iaitu kira-kira **34.33%** daripada peruntukan keseluruhan yang diluluskan sebanyak **RM362 juta**.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi memastikan jalan-jalan yang rosak dibaiki segera, Kementerian Kerja Raya telah melantik Syarikat konsesi melalui perjanjian penswastaan di bawah skop Kerja Penyelenggaraan Rutin perlu melakukan rondaan Pemeriksaan Rutin di jalan-jalan Persekutuan dengan kekerapan 2 kali seminggu. Ini adalah untuk memastikan jika terdapat sebarang kerosakan jalan seperti jalan berlubang, kerja tampalan lubang hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 24 jam selaras dengan dasar KKR iaitu dasar sifar lubang atau '*zero pothole*' di Jalan Persekutuan di seluruh negara mulai bulan Februari 2016. Dasar ini menetapkan supaya lubang jalan perlu ditampal atau diambil tindakan oleh syarikat konsesi dalam tempoh kurang daripada 24 jam. Penalti akan dikenakan terhadap syarikat konsesi sekiranya tindakan yang diambil melebihi dari tempoh tindakan yang ditetapkan. Kerja penampalan lubang ini merupakan langkah awal atau kaedah pencegahan atau *preventive* bagi tujuan keselamatan pengguna jalan raya sebelum kerja-kerja turapan kekal dilaksanakan.

Selain itu, Kementerian Kerja Raya juga menyediakan program penyenggaraan turapan berdasarkan notis kerosakan (*Notice of Defects / NOD*) yang disediakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan jalan persekutuan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyenggaraan turapan mengikut keutamaan dan keperluan mendesak untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia bagi tujuan kelulusan peruntukan.

Walau bagaimanapun pelaksanaan program penyenggaraan ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari Kementerian Kewangan. Kementerian Kerja Raya sentiasa komited untuk melaksanakan program penyenggaraan jalan di Jalan Persekutuan terutamanya penyenggaraan turapan serta memastikan dari semasa ke semasa semua Jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan.

Sekian, terima kasih.